

**PERANAN PERSONALITI INTROVERT DALAM HUBUNGAN
ANTARA PERAPATAN, PENDIDIKAN SEKS DAN
PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN TINGKAH
LAKU SEKSUAL BEBAS REMAJA LELAKI:
SATU KAJIAN DI PUSAT PEMULIHAN
DI SABAH.**

DASING BIN MATANGGAL



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
PENGIJAZAHAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: **PERANAN PERSONALITI INTROVERT DALAM HUBUNGAN ANTARA PERAPATAN, PENDIDIKAN SEKS DAN PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN TINGKAH LAKU SEKSUAL BEBAS REMAJA LELAKI: SATU KAJIAN DI PUSAT PEMULIHAN DI SABAH**

IJAZAH: **DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)**

Saya **DASING BIN MATANGGAL**, sesi **2010-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesisi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan, Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**DASING BIN MATANGGAL
PR20109100**

Tarikh: 16 JULAI 2018

NURDANON DUSMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tanda Tangan Pustakawan)



Prof. Madya Dr. Balan Rathakrishnan
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Ogos 2018



Dasing Bin Matanggal

PR20109100



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DASING BIN MATANGGAL**

NO MATRIK : **PR20109100**

TAJUK : **PERANAN PERSONALITI INTROVERT DALAM HUBUNGAN ANTARA PERAPATAN, PENDIDIKAN SEKS DAN PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN TINGKAH LAKU SEKSUAL BEBAS REMAJA LELAKI: SATU KAJIAN DI PUSAT PEMULIHAN DI SABAH.**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)**

TARIKH VIVA : **16 JULAI 2018**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH;

PENYELIA

PROF. MADYA DR. BALAN RATHAKRISHNAN

(Tandatangan)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungan antara perapatan ibu bapa, perapatan rakan sebaya, pendidikan seks dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku seksual bebas remaja lelaki. Kajian ini juga bertujuan untuk menguji peranan personaliti introvert dalam hubungan antara perapatan ibu bapa, perapatan rakan sebaya, pendidikan seks dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku seksual bebas remaja lelaki. Seramai 420 orang responden digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada golongan remaja lelaki berumur lingkungan 14 hingga 21 tahun dari tiga buah pusat pemulihan akhlak di Sabah iaitu Sekolah Henry Gurney Keningau, Sekolah Henry Gurney Kepeyan dan Sekolah Tunas Bakti Inanam. Satu set borang selidik digunakan untuk mengukur faktor-faktor pembolehubah bebas dan bersandar serta moderator yang terlibat. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 20 for windows*. Hasil analisis mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan seks dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku seksual bebas remaja lelaki. Keputusan regresi hierarki liner mendapati bahawa personaliti introvert merupakan moderator antara hubungan pendidikan seks dengan tingkah laku seksual bebas remaja lelaki. Kajian ini memberi pemahaman baru mengenai sumbangan aspek personaliti, pendidikan seks dan penghargaan sendiri dalam meramal tingkah laku seksual bebas remaja lelaki.

ABSTRACT

INTROVERT PERSONALITY ROLE IN CORRELATION BETWEEN ATTACHMENT, SEX EDUCATION AND SELF-ESTEEM WITH THE TEENAGE BOYS' FREE SEXUAL BEHAVIOUR: A STUDY IN THE REHABILITATION CENTERS IN SABAH.

This paper aims to search to what extent the correlation between the attachment of parents, the attachment of peers, sex education and self-esteem affecting the free sex behavior among the teenage boys. This study also aims to examine the role of introvert personality factor as a moderator for the correlation of parental relations, relationship among peers, sex education and self-esteem with the free sex behavior among the teenage boys. There were 420 respondents have taken part in this research that involved teenage boys between the age of 14 to 21 years old from three rehabilitation centers in Sabah, namely the Henry Gurney School, Keningau, Henry Gurney School, Kepayan and Tunas Bakti School, Inanam. A set of survey forms has been administered to measure the factors of manipulated variable and un-manipulated variable including moderators that involved. The collected data was analyzed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 20 for windows. The results analysis has shown that there was a highly significant finding between the relationships of sex education and self-esteem towards the teenage boys' free sexual behavior. The hierarchy linear regression results have found that introvert personality was the moderator of the effects of sex education and free sex behavior among the teenage boys. This research has given a new insight on the contribution of personality factors, sex education and self-esteem in predicting free sex behavior among the teenage boys.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN CALON	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	18
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Skop Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.8 Pendekatan Teori	22
1.8.1 Teori Perapatan	22
1.8.2 Teori Pembelajaran Sosial	25
1.8.3 Teori Penghargaan Kendiri Maslow	29
1.8.4 Teori Tret Personaliti Eysenck	32
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	36
1.10 Hipotesis Kajian	37
1.11 Definisi Pembolehubah kajian	38
1.11.1 Perapatan Ibu Bapa	39
1.11.2 Perapatan Rakan Sebaya	41
1.11.3 Pendidikan Seks	42

1.11.4	Penghargaan Kendiri	44
1.11.5	Personaliti	45
1.11.6	Tingkah Laku Seksual Bebas	47
1.11.7	Remaja	49
1.11.8	Penghuni Pusat Pemulihan Akhlak	50
1.12	Rumusan	51

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	52
2.2	Kajian-kajian Lepas	52
2.3	Pengaruh Perapatan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja	53
2.3.1	Perkembangan Aspek Perapatan Dalam Diri Individu	53
2.3.2	Isu Perapatan Dalam Keluarga	54
2.3.3	Hubungan Antara Kelemahan Perapatan Dalam Keluarga dan Isu Seksual Remaja	56
2.4	Pengaruh Perapatan Rakan Sebaya Terhadap Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja	59
2.4.1	Impak Rakan Sebaya Kepada Golongan Remaja	59
2.4.2	Perapatan Rakan Sebaya dan Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja	61
2.5	Pengaruh Pendidikan Seks Terhadap Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja	64
2.5.1	Perkembangan Sejarah Pendidikan Seks Luar Dan Dalam Negara	65
2.5.2	Isu Pendidikan Seks Terhadap Perkembangan Seksualiti Remaja	67
2.5.3	Impak Pendidikan Seks Terhadap Kepada Tingkah Laku Seksual Bebas Golongan Remaja	70
2.6	Pengaruh Penghargaan Kendiri Terhadap Tingkah Laku Seksual Bebas	72
2.6.1	Sejarah Perkembangan Dan Kajian Berkaitan Penghargaan Kendiri	73
2.6.2	Kajian-Kajian Berkaitan Penghargaan Kendiri Remaja, Kesan Positif Dan Negatif Secara Umum	76
2.6.3	Penghargaan Kendiri Dengan Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja	82

2.7	Hubungan Personaliti Dengan Perapatan Ibu Bapa, Perapatan Rakan Sebaya, Pendidikan Seks, Penghargaan Kendiri	85
2.7.1	Hubungan Personaliti Dengan Perapatan Ibu Bapa	85
2.7.2	Hubungan Personaliti Dengan Perapatan Rakan Sebaya	90
2.7.3	Hubungan Personaliti Dengan Pendidikan Seks	91
2.7.4	Hubungan Personaliti Dengan Penghargaan Kendiri	92
2.8	Hubungan Personaliti Dengan Tingkah Laku Seksual Bebas	94
2.9	Justifikasi Aspek Personaliti Sebagai Moderator Kajian	96
2.10	Rumusan	97

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	99
3.2	Rekabentuk Kajian	99
3.3	Lokasi Kajian	100
3.4	Sampel Kajian dan Kaedah Persamplean	100
3.5	Alat Kajian dan Kaedah Pemarkatan	103
3.5.1	Kajian Demografi (Bahagian A)	104
3.5.2	<i>Inventory of Parents and Peer Attachment-Revised</i> (IPPA-R) (Bahagian B dan Bahagian C)	104
3.5.3	Skala Penghargaan Kendiri Rosenberg (Bahagian D)	107
3.5.4	Pendidikan Seks (Bahagian E)	108
3.5.5	Personaliti (Bahagian F)	110
3.5.6	Tingkah Laku Seksual (Bahagian G)	113
3.6	Jumlah Skor dan Panduan Skor	114
3.7	Kajian Rintis	115
3.8	Terjemahan Soal Selidik (<i>Back-Translation</i>)	118
3.9	Prosedur Kajian	120
3.10	Batasan Kajian	121
3.11	Penganalisaan Data Statistik	122
3.12	Kesimpulan	124

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	125
4.2	Nilai Kebolehpercayaan Pembolehubah Kajian	125
4.3	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Pembolehuban	126
4.4	Profil Demografi Responden Kajian	127

4.5	Pengujian Hipotesis Kajian	129
4.6	Rumusan	137
BAB 5	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	138
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	138
5.2.1	Pengaruh Aspek Perapatan Ibubapa-Remaja, Rakan Sebaya-Remaja, Pendidikan Seks Dan Penghargaan Kendiri Terhadap Tingkah Laku Seksual Bebas Dalam Kalangan Remaja	139
5.2.2	Peranan Personaliti Introvert Sebagai Moderator	147
5.2.3	Sumbangan Unik Faktor Peramal Dalam Model Peramal Tingkah Laku Seksual Bebas Dalam Kalangan Remaja	150
5.3	Rumusan	153
BAB 6	IMPLIKASI KAJIAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	154
6.2	Implikasi Kajian	154
6.3	Batasan Kajian	168
6.4	Saranan Kajian Akan Datang	169
6.5	Kesimpulan	170
BIBLIOGRAFI		171
LAMPIRAN		201

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 3.1: Taburan Sampel Bagi Setiap Pusat Pemulihan Akhlak	101
Jadual 3.2: Bilangan Responden Mengikuti Jenis Personaliti	102
Jadual 3.3: Skala Likert <i>Inventory of Parents and Peer Attachment-R</i>	105
Jadual 3.4: Senarai Item Negatif IPPA-R	105
Jadual 3.5: Skala Tahap Setuju Soal Selidik Pendidikan Seks	107
Jadual 3.6: Skala Tahap Setuju Rosenberg	109
Jadual 3.7: Penskoran Skala Penghargaan Kendiri Rosenberg	109
Jadual 3.8: Item-Item Untuk Pengukuran Personaliti Introvert/Ekstrovet	111
Jadual 3.9: Panduan Penskoran JEPI	111
Jadual 3.10: Skala Tahap Benar Soal Selidik Tingkah Laku Seksual	113
Jadual 3.11: Julat skor dan panduan skor	114
Jadual 3.12: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alat Kajian	116
Jadual 3.13: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	117
Jadual 3.14: Ringkasan Bilangan Item dan Nilai Kebolehpercayaan Pembolehubah Kajian	118
Jadual 4.1: Nilai Kebolehpercayaan Pembolehubah Kajian	126
Jadual 4.2: Min Skor Dan Sisihan Piawai Pembolehubah Kajian	127
Jadual 4.3: Profil Responden Kajian	127
Jadual 4.4: Nilai Korelasi Pearson (r) Dan Aras Kesignifikan (k) Bagi Hubungan Antara Pembolehubah Bebas Dengan Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja Lelaki	130

Jadual 4.5:	Rumusan Hipotesis Bagi Mengenalpasti Hubungan Langsung Antara Pembolehubah Bebas Dengan Tingkah Laku Seksual Bebas Dalam Kalangan Remaja Lelaki	131
Jadual 4.6:	Pengujian Personaliti Sebagai Moderator Ke atas Hubungan Antara Pendidikan Seks Dengan Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja Lelaki Menggunakan Regresi Hierarki Pelbagai (Enter Method)	133
Jadual 4.7:	Pengujian Personaliti Sebagai Moderator Ke atas Hubungan Antara Penghargaan Kendiri Dengan Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja Lelaki Menggunakan Regresi Hierarki Pelbagai (Enter Method)	134
Jadual 4.8:	Rumusan Hipotesis Bagi Mengenalpasti Kewujudan Personaliti Sebagai Moderator	135
Jadual 4.9	Pengujian Bagi Mengenalpasti Sumbangan Faktor Peramal Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja Lelaki	136



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian	37
Rajah 3.1: Langkah Pengujian Hipotesis Melalui Regresi Hierarki Bagi Moderator	123
Rajah 4.1: Model Peramal Tingkah Laku Seksual Bebas Remaja Lelaki	137



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AA	Asrama Akhlak
AAEP	Authentic Abstinence Education Programme
AIDS	Acquired Immune Deficiency Syndrome
CSEC	Comprehensive Sex Education Curriculum
HIV	Human Immunodeficiency Virus
IPPA-R	Inventory Of Parents and Peer Attachment-Revised
JEPI	Junior Eysenck's Personality Inventory
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPM	Jabatan Penjara Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MMR	Multiple Moderator Regression
RSES	Rosenberg Self-Esteem Scale
SBQ	Sexual Behaviour Questionnaire
SEQ	Sexual Education Questionnaire
STB	Sekolah Tunas Bakti
SHG	Sekolah Henry Gurney
TSP	Taman Seri Putri
WHO	World Health Organization

SENARAI LAMPIRAN

		HALAMAN
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	201
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Fakulti Psikologi Dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah	217
LAMPIRAN C	Surat Sokongan Kebenaran Pelajar Menjalankan Kajian Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah	221
LAMPIRAN D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Penjara Negeri Sabah	223
LAMPIRAN E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Sekolah Tunas Bakti Inanam	225



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelbagai gejala sosial dan keruntuhan moral yang tidak pernah berkesudahan melanda masyarakat kita khususnya golongan remaja. Jika dilihat daripada segi nisbahnya, golongan remaja mewakili 1:5, iaitu seorang remaja kepada lima orang penduduk dunia (WHO, 2005). Di Malaysia, kajian penduduk dan keluarga oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menunjukkan bahawa lebih 30 peratus penduduk Malaysia adalah remaja di bawah usia 15 tahun (Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 2004). Selain itu, laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2018) juga menunjukkan bahawa jumlah penduduk berusia bawah 18 tahun di Malaysia pada 2017 adalah seramai 9.4 juta orang atau 29.4 peratus daripada keseluruhan 32 juta rakyat. Oleh kerana golongan remaja merupakan bakal menjadi golongan dewasa dan pewaris kepada kepimpinan negara serta mencorakkan masa depan negara, maka kegiatan mereka sentiasa hangat diperkatakan serta mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat sehingga kini. Media massa sering kali menyiarkan pelbagai berita berkaitan masalah sosial dan keruntuhan moral golongan remaja yang membimbangkan sehingga ianya menjadi isu masyarakat termasuk di Malaysia seolah-olah ianya tidak berkesudahan. Di Malaysia, antara isu utama yang melibatkan golongan remaja adalah mereka yang terlibat dengan tingkah laku seksual bebas, perbuatan buli, gangsterisme, penyalahgunaan dadah, membunuh dan sebagainya. Dalam kajian ini fokus utama adalah berkaitan dengan salah satu daripada isu tersebut iaitu tingkah laku seksual bebas. Melalui bab ini pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, skop

kajian, kepentingan kajian, pendekatan teori, kerangka konseptual kajian, hipotesis kajian, definisi pembolehubah kajian dan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Semakin ramai dalam kalangan remaja khususnya di negara-negara membangun kini terlibat dengan tingkah laku seksual bebas sebelum umur mereka 15 tahun (Dixon-Muller, 2009). Tingkah laku seksual bebas merupakan suatu perlakuan yang tidak dapat diterima kerana bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat tempatan. Di Malaysia apabila status perkahwinan sebagai syarat utama kepada perhubungan seksual yang dianggap sah, maka keadaan sebaliknya akan mewujudkan situasi yang bertentangan. Dengan kata lain perhubungan seksual tanpa ikatan perkahwinan yang sah dan bertukar-tukar pasangan adalah mereka yang terlibat dengan tingkah laku seksual bebas. Peringkat perlakuan seksual bebas dimulai dari berpegangan tangan, bercumbuan (cium kering dan basah), berpelukan, memegang atau meraba bahagian sensitif, bercumbuan dan berpelukan serta lain-lain perlakuan rangsangan seks namun tidak sampai memasukkan zakar ke dalam faraj (*petting*), seks melalui mulut (*oral sex*), dan hubungan kelamin (*sexual intercourse*).

Di Malaysia kadar aktiviti seksual bebas dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun sepanjang dua dekad lalu meningkat daripada 0.9 peratus pada 1994 kepada 8.3 peratus pada 2012. Angka tersebut menunjukkan kes seksual bebas dalam kalangan remaja semakin meruncing dari hari ke hari. Statistik itu diperoleh daripada kaji selidik Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) dan LPPKN berkaitan tingkah laku seksual bebas remaja bermula 1994 hingga 2012. Sementara itu, data direkod daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bermula 2005 hingga 2011 juga menunjukkan Malaysia menduduki tempat keempat daripada 10 negara berkaitan kehamilan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun. Dalam kajian oleh Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005) mendapati bahawa hampir separuh daripada responden kajian beliau telah mula mencuba

untuk bercium dengan pasangan mereka seawal usia 13 tahun. Kajian oleh Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim dan Mohd. Shuaimi Mohamad (2012) melaporkan bahawa terdapat remaja Malaysia yang telah melakukan hubungan seksual seawal usia 11 tahun, iaitu semasa mereka masih berada di bangku sekolah rendah. Kajian oleh Gudhaju (2002) juga mendapati bahawa remaja di Malaysia yang berumur antara 13 hingga 19 tahun menunjukkan bahawa 40 peratus responden telah mula keluar berpacaran dengan pasangan seawal umur 13 tahun. Pada umur 18 tahun, 84 peratus sudah mula berpegangan tangan, 85 peratus bercium dan mencium leher dan 83 peratus meraba, manakala dalam tinjauan ke atas isi rumah, 15 peratus mengaku telah mengadakan hubungan seks sementara dalam tinjauan media mendapati 24 peratus telah mengadakan hubungan seks di mana 18.4 peratus daripadanya mula mengadakan hubungan seks semasa berumur antara 15 hingga 18 tahun. Menurutnya lagi, didapati 45 peratus responden berumur 15 hingga 21 tahun telah mula keluar berdua-duaan dan 9 peratus dilaporkan telah mengadakan hubungan seks sebelum berkahwin.

Penglibatan golongan remaja dalam aktiviti tingkah laku seksual bebas di mana dalam konteks Malaysia ianya suatu perlakuan yang tidak dapat diterima kerana bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat tempatan. Di Malaysia apabila status perkahwinan sebagai syarat utama kepada perhubungan seksual yang dianggap sah, maka keadaan sebaliknya akan mewujudkan situasi yang bertentangan. Dengan kata lain perhubungan seksual tanpa ikatan perkahwinan yang sah dan bertukar-tukar pasangan adalah mereka yang terlibat dengan tingkah laku seksual bebas. Berbeza dengan sudut pandangan masyarakat Amerika dan barat iaitu, tingkah laku seksual bebas adalah satu tindakan yang boleh diterima umum, tidak menyalahi nilai dan norma masyarakat malahan menjadi satu kayu ukur kepada sosialisasi. Sebagaimana pernyataan oleh Sternberg dan Barnes (1988), bahawa elemen yang perlu wujud dalam percintaan adalah keberahian dan rangsangan antara individu yang membolehkan sesebuah perhubungan berjaya. Pernyataan itu disokong oleh Schutt-Aine dan Maddaleno (2003) dalam kajian mereka ke atas golongan remaja di Amerika yang mendapati 50 peratus remaja

mereka di bawah umur 17 tahun aktif melakukan hubungan seksual. Selain itu, kajian terhadap masyarakat peribumi pula oleh Hellerstedt, Peterson-Hickey, Rhodes dan Garwick (2006) terhadap 4,135 remaja American Indian yang berusia lingkungan 13 hingga 18 tahun di Minnesota mendapati bahawa 40 peratus yang berusia lingkungan 13 hingga 15 tahun dan 69 peratus remaja berusia lingkungan 16 hingga 19 tahun terlibat dengan tingkah laku seksual bebas. Oleh kerana isu perlakuan seksual bebas golongan remaja ini sentiasa hangat diperkatakan dan angka statistik yang dilaporkan meningkat dari masa ke semasa, maka isu ini menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan kajiannya khususnya di Malaysia. Hasil kajian terhadap isu ini antara lain akan menjadi sumber maklumat bermanfaat untuk menjangka intervensi yang sesuai bagi mencegah dan menangani permasalahan ini daripada terus melanda golongan remaja di negara kita.

Di Malaysia, golongan remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual bebas dikategorikan sebagai bertingkah laku devian. Menurut Azizi Yahaya dan Rosnah Buang (2007), mereka yang melanggar nilai dan normamasyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian. Azizi Yahaya *et. al* (2007) juga menjelaskan, mereka yang bertingkah laku devian ini akan dikenali sebagai delinkuen apabila mereka masih bersekolah atau remaja. Dalam kajian ini, tingkah laku seksual bebas adalah menepati pernyataan oleh kedua-dua pengkaji tersebut iaitu merupakan suatu perlakuan yang melanggar atau bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat setempat. Sampel kajian adalah dalam kalangan remaja lelaki di pusat pemulihan yang terlibat secara langsung dengan tingkah laku seksual bebas dan dalam masa yang sama ada dalam kalangan mereka juga terlibat dengan kesalahan juvana. Adalah tidak menghairankan, golongan remaja yang berada di pusat-pusat pemulihan merupakan dalam kalangan mereka yang terlibat dengan kesalahan juvana dan pelbagai kesalahan yang bersifat devian atau delinkuen. Terdapat contoh kajian yang menyokong pernyataan ini. Dalam Laporan Kajian Tingkah Laku Remaja Johor yang telah dijalankan oleh Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (2000) misalnya mendapati responden terlibat dengan empat jenis tingkah laku delinkuen iaitu keganasan, penyalahgunaan dadah, lepak

dan dalam masa yang sama juga terlibat dengan tingkah laku seksual bebas. Dapatan kajian tersebut mendapati remaja terlibat dengan aktiviti keganasan sebanyak 32.9 peratus, penyalahgunaan dadah sebanyak 34.2 peratus, lepak sebanyak 49.9 peratus dan tingkah laku seksual bebas sebanyak 39.8 peratus.

Golongan remaja yang terlibat dengan pelbagai kesalahan juvana, devian atau delinkuen termasuk mereka yang bertingkah laku seksual bebas sememangnya amat dibimbangi oleh semua pihak di negara ini. Untuk mengatasi gejala ini daripada terus meruncing dan tidak terkawal, pihak berwajib selain daripada melaksanakan program-program pencegahan dan hukuman, institusi-institusi pemulihan juga disediakan di seluruh negara bagi tujuan pemulihan akhlak. Bagi kebanyakan institusi pemulihan akhlak kelolaan kerajaan, ianya diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Institusi ini menempatkan pesalah juvana dan mereka yang terlibat dengan pelbagai kesalahan devian atau delinkuen termasuk mereka yang bertingkah laku seksual bebas yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 18 tahun dan 14 hingga 21 tahun. Di negara ini terdapat akta atau peraturan-peraturan tertentu yang telah digubal dalam usaha untuk menghukum dan memulihkan semula remaja-remaja yang bermasalah. Antara akta yang terlibat ialah Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90), Akta perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106, Taman Seri Puteri, Kaedah-Kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan 1882), Sekolah Tunas Bakti (Peraturan-Peraturan Yang Diluluskan 1981), Peraturan Asrama Akhlak 1982 dan Peraturan Tempat Tahanan 1950. Berdasarkan maklumat yang diperolehi di seluruh Malaysia terdapat lebih dari 25 buah institusi-institusi kebajikan yang menempatkan remaja bermasalah yang berdaftar di bawah tiga institusi iaitu Asrama Akhlak (AA), Sekolah Tunas Bakti (STB) dan Taman Seri Putri (TSP). Manakala pada masa kini, terdapat lima buah Sekolah Henry Gurney (SHG) di bawah kelolaan JPM iaitu, SHG Telok Mas, Melaka, SHG Kepayan, Sabah, SHG Keningau, Sabah, SHG Puncak Borneo, Sarawak dan SHG Wanita, Batu Gajah, Perak yang beroperasi di Malaysia.

Dalam kajian ini responden adalah dalam kalangan remaja lelaki berumur dalam lingkungan 14 hingga 21 tahun. Golongan remaja inisedang menjalani hukuman dan program pemulihan akhlak di Sekolah Henry Gurney Kepyayan, Sekolah Henry Gurney Keningau dan Sekolah Tunas Bakti Inanam, Sabah. Terdapat beberapa wajaran pemilihan remaja lelaki sebagai responden kajian. Wajaran utama adalah merujuk kepada laporan dan hasil kajian lepas yang mendapati peratusan penglibatan golongan remaja lelaki dalam aktiviti seksual adalah lebih tinggi berbanding remaja perempuan. Laporan daripada LPPKN (2004), peratus remaja lelaki yang mengaku terlibat dengan tingkah laku seksual bebas adalah seramai 3.8 peratus di Semenanjung, 2.8 peratus di Sabah dan 4.1 peratus di Sarawak. Manakala golongan remaja perempuan yang mengaku terlibat dengan tingkah laku yang sama adalah seramai 0.6 peratus di Semenanjung, 1.3 peratus di Sabah dan 1.4 peratus di Sarawak. Begitu juga kajian oleh Silva dan Schensul (2003) mendapati bahawa 46 peratus subjek lelaki menunjukkan sikap positif terhadap tingkah laku seksual bebas manakala 14 peratus subjek perempuan sahaja bersetuju dengan tingkah laku yang sama. Peratusan penglibatan aktiviti seksual yang tinggi dalam kalangan lelaki antara lainnya disokong oleh hasil kajian oleh Surammah Ramanaidoo dan Balan Rathakrishnan (2012) ke atas pelajar di institusi pengajian tinggi yang menunjukkan bahawa responden lelaki lebih bersikap liberal terhadap tingkah laku seksual bebas berbanding dengan perempuan. Ertinya, responden lelaki dalam kajian tersebut dilihat lebih bersifat terbuka sehingga peratusan penglibatan mereka dalam isu-isu berkaitan aktiviti seksual bebas lebih tinggi berbanding dengan perempuan. Hasil dapatan kajian tersebut pastinya juga telah menarik minat pengkaji untuk melakukan kajian lanjut untuk mendapatkan intipati sebenar mengapa penglibatan golongan remaja lelaki lebih bersifat terbuka berbanding golongan remaja perempuan dalam aktiviti seksual bebas.

Selain itu kajian oleh Ghea Gendys dan H. Sutijono (2013) mendapati bahawa remaja lelaki mempunyai keinginan yang tinggi untuk keintiman seksual semasa temu janji (*dating*) pertama berbanding remaja perempuan, tetapi perbezaan jantina ini dikatakan menurun dengan penglibatan hubungan yang

berpanjangan (McCabe dan Collins, 1984). Artinya, apabila sesebuah hubungan percintaan itu sudah berlangsung lama, maka inisiatif melakukan hubungan seksual itu tidak hanya terhad kepada remaja lelaki tetapi juga kepada remaja perempuan. Pemilihan responden dalam kajian ini adalah bertepatan dengan remaja lelaki di pusat pemulihan yang terlibat dengan perlakuan seksual bebas dalam jangka masa pendek. Justeru itu, sampel kajian berasaskan pengkhususan jantina ini diharapkan menghasilkan input penting bagi mencari kaedah dan intervensi khusus bagi mengatasi isu serta permasalahan yang dihadapi dalam kalangan remaja, khususnya remaja lelaki. Kajian dilakukan berasaskan pendekatan para pengkaji terdahulu melalui sorotan literatur dan aplikasi teori. Aspek utama dalam kajian ini adalah berkaitan peranan personaliti introvert dalam hubungan antara perapatan ibu bapa, perapatan rakan sebaya, pendidikan seks dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku seksual bebas remaja lelaki.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Menurut Noor Hafizah Mohd Haridi (2016), peringkat umur remaja merupakan suatu tahap perkembangan yang penuh dengan tekanan, gelora, cubaan, ketegangan, emosi dan kebimbangan. Pada peringkat ini remaja ingin mencari suatu identiti diri. Mereka sedang mengalami satu desakan dan dorongan dalaman yang kuat untuk mencari makna dan arah kehidupan. Pada peringkat usia inilah mereka mula membuat keputusan secara bebas tentang salah laku diri mereka (Williams, Holmbeck dan Greenley, 2002). Menurut Lerner, Brentano, Dowling dan Anderson (2002), pada peringkat ini remaja dapat merasai perubahan fizikal, psikologi, seksual dan kognitif namun perubahan tersebut tidak semestinya berlaku dalam keadaan yang serupa atau sejajar. Manakala menurut Alphonsus (2003), aktiviti seksual dilihat sebagai suatu kuasa dalaman yang utama dalam mengarah dan mempengaruhi tingkah laku manusia. Dalam usaha merungkai ketidakbersamaan dan kuasa dalaman berkaitan aktiviti seksual, para pengkaji lepas didapati masih mempunyai pendekatan dan pandangan yang berbeza. Sebagaimana pernyataan oleh Salmatussaadah (2010), para pengkaji lepas masih

mempunyai pandangan dan hasil kajian yang tidak konsisten berkaitan penglibatan golongan remaja terhadap tingkah laku seksual bebas.

Perbincangan utama oleh pengkaji adalah berkaitan isu tingkah laku seksual bebas dan hubungannya dengan aspek perapatan ibu bapa. Perapatan ibu bapa bukan setakat merujuk kepada konflik dalam keluarga malah ianya melibatkan sikap pengabaian dan kurangnya pemantauan ibu bapa terhadap anak remaja mereka. Dapatan kajian oleh Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Normey Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad dan Noorhasliza Mohd Nordin (2012) contohnya adalah merujuk kepada pernyataan tersebut. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan ketiadaan perapatan dengan ibu bapa telah mendorong remaja terlibat dengan tingkah laku seksual bebas. Begitu juga dalam kajian oleh Nasrudin Subhi *et. al* (2012) mendapati bahawa pembabitan remaja dalam kegiatan salah laku seksual dengan pasangan mereka adalah disebabkan tekanan yang wujud dalam keluarga. Menurut responden kajian tersebut, ketiadaan sokongan sosial antara ahli keluarga khususnya daripada ibu bapa telah memaksa remaja untuk mencari jalan penyelesaian di luar skop keluarga. Ertinya, suasana dan persekitaran keluarga yang tidak kondusif untuk perkembangan positif remaja, dilihat bertindak sebagai faktor pendorong kepada tingkah laku yang menjurus kepada keruntuhan moral. Dalam pada itu, Khadijah Alavi *et. al* (2012) turut beranggapan bahawa individu yang terjebak dalam kegiatan seksual seawal usia remaja menjadi indikator kepada kelemahan sistem keluarga. Kelemahan tersebut mencakupi keberkesanan pengurusan keluarga, komunikasi, pengetahuan kekeluargaan atau keibubapaan seperti amalan kasih sayang, amalan hormat menghormati dan pendidikan agama. Begitu juga melalui kajian oleh McBride, Paikoff dan Holmbeck (2003) mendapati bahawa konflik dan masalah ibu bapa dengan anak remaja dikaitkan dengan penglibatan awal remaja dalam aktiviti seksual bebas terutamanya bagi remaja yang lebih matang dari segi fizikal. Hasil daripada kajian tersebut telah menyebabkan Khadijah Alavi *et. al* (2012) melalui kajian kepustakaannya menyarankan bahawa keluarga memainkan peranan yang amat penting untuk membantu remaja tidak terlibat dengan tingkah laku seksual bebas.

Walaupun terdapat pengkaji bersetuju wujudnya hubungan antara perapatan ibu bapa dengan tingkah laku seksual bebas remaja namun masih terdapat juga pengkaji yang menyangkal hasil kajian tersebut. Sebagai contoh, hasil kajian oleh Zainuddin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) mendapati bahawa aspek keibubapaan yang melibatkan konsep perapatan ibu bapa tidak memainkan peranan yang utama terhadap penglibatan remaja dengan tingkah laku seksual bebas remaja. Pengkaji menyatakan bahawa amalan keibubapaan terdiri daripada beberapa faktor dinamik yang saling berkaitan dan tidak terhad kepada pengawasan ibu bapa, kesan komunikasi dan penglibatan. Pernyataan itu disokong oleh Bersamin, Todd, Fisher, Hill, Grube dan Walker (2008) yang menyebut bahawa hubungan aspek perapatan ibu bapa dengan tingkah laku remaja adalah kompleks. Sebagai contoh sikap ibu bapa terhadap seksualiti tidak dapat disampaikan dengan berkesan tanpa komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak. Malah terdapat hasil kajian oleh Guzman dan Stritto (2012) yang mendapati remaja terlibat dengan tingkah laku seksual bebas adalah mereka yang mempunyai skor yang tinggi dalam komunikasi dengan ibu bapa, manakala remaja yang mempunyai skor yang rendah dalam komunikasi dengan ibu bapa tidak terlibat dengan tingkah laku seksual bebas. Ertinya, komunikasi walaupun banyak berlaku antara ibu bapa dengan anak ianya tidak menghalang remaja terlibat dengan tingkah laku seksual bebas jika komunikasi tentang seksualiti gagal disampaikan secara berkesan. Manakala komunikasi walaupun sedikit antara ibu bapa dengan anak ianya boleh menghalang remaja terlibat dengan tingkah laku seksual bebas jika komunikasi tentang seksualiti dapat disampaikan dengan cara yang baik dan berkesan. Dalam hasil kajian tersebut juga mendapati, selain kualiti komunikasi, peranan ibu bapa untuk memantau dan memastikan remaja tidak terlibat dengan tingkah laku seksual bebas juga perlu dilakukan secara berterusan dengan gaya keibubapaan yang sesuai.

Selain aspek perapatan ibu bapa, aspek hubungan faktor perapatan rakan sebaya dengan tingkah laku seksual bebas remaja juga turut dibincangkan dalam isu kajian. Dalam kajian meta-analisis yang dijalankan oleh Albert, Chein dan Steinberg (2013), rakan sebaya berupaya mempengaruhi rakan-rakan membuat